

سَلَامَاتٌ
لِأَهْلِ
هَذَا
رَجَائِزِ
أَيَّامِ
أَيُّدِي
فِطْرِي



عَمْرًا إِلَى

*Maaf,
Lahir
& Ratin*

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI KEPADA SELURUH MUSLIMIN DAN MUSLIMAT

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabaraktuh, dan Selamat Sejahtera

Dengan iringan suara takbir yang bersahutan memuji-muji kebesaran Allah SWT, saya dan isteri, Puan Sri Salbiah, serta anak-anak, dengan tulus dan ikhlas mengucapkan 'Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri' kepada seluruh rakyat Selangor.

Sesungguhnya, saya dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Selangor memanjatkan kesyukuran ke hadirat Allah SWT kerana memberi kesempatan untuk meneruskan pentadbiran penggal keduanya di negeri ini.

Kerajaan Negeri sedar betapa penduduk Islam dan penduduk bukan Islam yang berjumlah lebih 5.3 juta orang di negeri Selangor ini sangat memerlukan bantuan bagi meringankan beban hidup seharian akibat kenaikan harga barangan dan perkhidmatan yang nampaknya tidak dapat ditangani oleh Kerajaan Pusat.

Dengan yang demikian, sepanjang tempoh lima tahun penggal kedua ini pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat bertekad untuk melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang memberi manfaat kepada majoriti rakyat Selangor.

Usaha ini selaras dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang memerintahkan agar Kerajaan Negeri sekarang yang diberi mandat bagi meneruskan pentadbiran penggal keduanya, menunaikan segala program dan rancangan yang dijanjikan dalam Manifesto Pilihan Raya Umum Ke-13.

Antara usaha yang mahu kita laksanakan dalam masa terdekat ini adalah memperkasa pembangunan kampung-kampung tradisi dan baru, di seluruh negeri Selangor. Walaupun sudah lebih 55 tahun merdeka, dan beberapa kementerian diwujudkan khususnya untuk pembangunan luar bandar, namun nampaknya pembangunan kawasan luar bandar di sembilan daerah di negeri Selangor ternyata masih jauh daripada memuaskan.

Penyediaan keperluan asas meliputi jalan berturap dan berlampu, paip air untuk kegunaan awam, perpustakaan, pendidikan agama dan sumber untuk pendapatan penduduk, masih belum mencukupi hinggalah pembangunan di kampung tradisi dan kampung baru di Selangor ini nampaknya belum layak wujudnya di negeri yang diisytihar 'negeri maju' hampir 10 tahun lalu.

Kerajaan juga mahu membina lebih banyak rumah mampu milik, menyediakan pengangkutan percuma di bandar-bandar, menambah baik aspek keselamatan, penjagaan kesihatan, bantuan untuk orang kelainan upaya dan masyarakat orang Asal, bantuan pelajaran dan pendidikan, pembinaan keluarga, bantuan untuk pembinaan masjid dan rumah ibadat bukan Islam.

Saya menyeru supaya tradisi 'rumah terbuka' dan amalan kunjung mengunjung pada hari perayaan ini diteruskan bagi mewujudkan kefahaman yang secara tidak langsung menghindar sikap prasangka atau perbuatan 'menghina' adat dan perlakuan budaya kaum lain.

Akhir kata, marilah kita berdoa semoga Allah sentiasa memberi petunjuk dan perlindungan kepada kita semua untuk menikmati kesejahteraan hidup dan kemakmuran negeri di bawah kerajaan sekarang yang pentadbirannya bersih, telus, berkepercayaan dan bertanggungjawab.

Sekian, 'Maaf Zahir dan Batin'

Wassalamualaikum Warahmatullahitaala Wabaraktuh, dan Salam Perpaduan.

UCAPAN EXCO SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI



Iskandar Samad
Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setingan

Saya harap agar kita semua dapat merayakan Hari Raya Aidilfitri secara berpadu-pada dan ingatlah keselamatan semasa memandu pulang ke kampung. Saya juga berharap agar semua amalan yang kita lakukan semasa di bulan puasa ini dapat diteruskan. Selamat Hari Raya Aidilfitri untuk semua, khususnya masyarakat di Selangor daripada saya serta keluarga



Dr Ahmad Yunus Hairi
Belia dan Sukan; Infrastruktur dan Kemudahan Awam

Dengan tibanya fajar Syawal yang mulia, umat Islam dengan penuh rasa kesyukuran menyambut satu kemenangan mujahadah yang tertinggi pengertiannya seperti disifatkan oleh Rasulullah SAW, yakni jihad bagi melawan nafsu. Saya dengan rasa rendah hati bagi pihak diri, isteri, anak-anak dan seisi keluarga mengambil kesempatan ini menyusun sepuluh jari memohon kemaafan zahir dan batin atas apa jua kesalahan mahupun kekhilafan yang dilakukan



Datuk Teng Chang Khim
Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan

Saya mengucapkan selamat hari raya Aidilfitri kepada semua masyarakat Islam di Selangor dengan harapan bahawa pada tahun akan datang kita akan meneruskan kejayaan yang diusahakan Kerajaan Negeri dan mendapat sokongan padu daripada rakyat di Selangor ini



Ganabaturau
Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin

Sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum, adalah menjadi harapan saya agar hubungan silaturrahim antara kita dapat dipereratkan melalui amalan kunjung mengunjung dan bermaaf-maafan. Semoga Aidilfitri ini akan menyuntik semangat dan nafas baru dalam memastikan keharmonian negara akan terus kukuh dan seterusnya meningkatkan lagi usaha bagi merealisasikan agenda pembangunan Kerajaan Negeri Selangor. Maaf zahir batin



Elizabeth Wong
Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar

Saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga Selangor. Terima kasih kepada semua kerana menyokong Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Kita akan bekerja lebih kuat lagi demi kebaikan seluruh rakyat Selangor. Maaf Zahir Batin



Dr Halimah Ali
Pendidikan dan Pendidikan Tinggi; Pembangunan Modal Insan

Saya mengucapkan Selamat Menyambut kemenangan dengan kembali kepada fitrah di Hari Raya 'Idulfitri setelah berjaya menjalani latihan mensucikan diri. Bersama kita membangunkan umat ke arah mencapai Selangor Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghaffur



Sallehen Mukyi
Hal Ehwal Islam, Permodenan Pertanian dan Pembangunan Desa

Sempena kedatangan Aidilfitri ini, saya mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya kepada seluruh rakyat Selangor. Jadikanlah Syawal yang mulia ini untuk bersama saling bermaaf-maafan dan mempertingkatkan serta memperkukuhkan persaudaraan sesama Islam agar dapat membentuk satu fikiran di atas landasan aqidah yang betul. Akhir kata, Selamat Hari Raya, Maaf Zahir Batin



Ean Yong
Perdagangan; Pembangunan Kampung Baharu dan Pemutihan Kilang Haram

Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakan Muslimin dan Muslimat di Selangor. Semoga seluruh rakyat bergembira di hari yang mulia ini. Semoga Selangor dapat berkembang dengan maju dan warganya terus dilindungi dan dirahmati oleh Tuhan



Rodziah Ismail
Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita

Sempena Syawal ini, saya juga pastinya ingin melihat senyuman terukir di bibir semua rakyat, selain berbangga dengan program-program yang kita laksanakan. Kita tidak mahu ada individu yang ketinggalan dan berada dalam kesedihan. Selaku Adun Batu Tiga dan Exco Kerajaan Negeri, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya, Maaf Zahir Batin



Dr Daroyah Alwi
Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi

Saya mengucapkan Salam Hati Raya Aidilfitri kepada Muslimin dan Muslimat, khususnya rakyat Selangor, terutama sekali penduduk DUN Sementa. Semoga tarbiyah Ramadan menjadikan kita semua insan yang lebih baik dan semoga amalan kita diterima Allah SWT. Rayakanlah kemenangan ini dengan penuh kesyukuran dan menjadi medan bermaaf-maafan sesama insan. Maaf zahir batin

Desak siasat sindiket jenayah libatkan polis

muka 12

Kakitangan awam gembira terima bonus sebulan gaji

muka 5

Seragam operasi PBT seluruh negeri

muka 11

KENALI EXCO ANDA

Elizabeth Wong
Keat Ping

muka 6&7



Tanggung hantar pelajar ke Mesir

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri Selangor mengambil keputusan menanggunghkan penghantaran 95 pelajarnya ke Mesir sehingga situasi keselamatan terjamin.

Kerajaan Negeri turut memutuskan akan menempatkan pelajar terlibat yang mengikuti pengajian jurusan agama ke Kolej Universiti Islam Selangor (Kuis) sebagai pilihan alternatif.

Kerajaan Negeri juga menawarkan tempat kepada pelajar jurusan perubatan bagi mengikuti pengajian asasi sains di Universiti Selangor (Unisel)

“Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang sebelum ini bersetuju untuk menaja mereka ke Mesir telah diminta untuk meneruskan penajaan mereka di penempatan baru ini,” katanya.

Demikian menurut Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi Dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor, Dr Halimah Ali dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) di sini.

Kerajaan Negeri juga meminta agar pihak ibu bapa dan orang ramai yang terlibat agar bertenang dan berdoa semoga situasi yang berlaku di Mesir itu akan pulih dalam masa terdekat.

“Kerajaan Negeri akan terus memantau dan menyelia perkembangan terkini dari masa ke semasa terutama berkaitan keselamatan pelajar Selangor di Mesir,” ujar Dr Halimah lagi.

Presiden Mesir Dr Mohamed Morsi yang dipilih rakyat digulingkan tentera Mesir dalam satu rampasan kuasa baru-baru ini.

Tindakan tersebut mendapat bantahan jutaan rakyat Mesir dengan mengadakan demonstrasi besar-besaran.



PERSIAPAN... Bahdiar Talehirdin dan Norashikin Umur, bersama anak-anak mereka, Mohd Naufal dan Syazwan Hakimi, membeli-belah di Kompleks PKNS Shah Alam sebagai persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang

Hanya tunggu kelulusan PDRM

Selangor sedia bajet polis bantuan

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri sedia menyediakan peruntukan bagi tujuan latihan dan penempatan polis bantuan di kalangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor.

Bagaimanapun, permohonan berkenaan masih menunggu kelulusan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk melaksanakannya.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, Kerajaan Negeri bercadang

menyediakan sekurang-kurangnya 30 orang penguatkuasa PBT untuk dilatih sebagai polis bantuan.

Menurut Abdul Khalid, peruntukan yang dicadangkan adalah sebanyak RM3,000 bagi setiap seorang untuk menjalani latihan yang akan dikendalikan PDRM.

“Kerajaan Negeri memandang berat peningkatan kes jenayah melibatkan senjata api yang makin berleluasa sejak akhir-akhir ini.

“Walaupun tanggungjawab menjaga

keselamatan awam adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat, namun Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk menyumbang sebanyak yang boleh bagi memastikan keselamatan orang awam lebih terjamin,” katanya.

Abdul Khalid berkata demikian dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Bangunan Setiausaha Kerajaan Selangor di sini.

lihat muka 2

Oleh NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri Selangor sedia mencari bidang tanah baru untuk projek perumahan penduduk Pangsapuri Taman Permata di Dengkil setelah tanah asal yang dipilih tidak dipersetujui Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri juga akan mengeluarkan dana bagi memperoleh tanah tersebut dengan syarat Kerajaan Persekutuan memberi jaminan bahawa tanah itu hanya akan digunakan untuk projek perumahan tersebut.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, sebelum ini Kerajaan Negeri menyediakan tanah 30 ekar untuk projek perumahan itu yang dijanjikan Kerajaan Persekutuan kepada penduduk tersebut.

Projek perumahan itu adalah sebagai ganti kepada 400 keluarga yang terpaksa meninggalkan rumah asal mereka di tiga buah ladang pada tahun 1998 untuk memberi laluan kepada pembinaan Putrajaya.

Keluarga tersebut ditempatkan di dalam perumahan flet sementara, iaitu Pangsapuri Taman Permata. Malangnya Kerajaan Persekutuan sehingga kini tidak menepati janji untuk membina rumah teres satu tingkat untuk mereka.

"Kami ada surat daripada Kerajaan Persekutuan, memberitahu tanah yang kita tawar untuk pembangunan baru Taman Permata tidak sesuai dan mereka mohon agar Kerajaan Negeri mencari tanah lain.

"Setiausaha Kerajaan Nege-

Dari muka depan

Polis bantuan diperlukan

Baru-baru ini, PDRM hanya meluluskan permohonan membenarkan 20 orang penguatkuasa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sebagai polis bantuan.

"Tetapi kebenaran ini tidak memberi sebarang makna kerana kuasa polis bantuan ini sangat terhad kepada satu tugas sahaja, iaitu mengawal bangunan MBPJ," ujar Abdul Khalid.

Justeru, Kerajaan Negeri akan memohon sekali lagi kepada PDRM dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) sebagai usaha mengadakan kerjasama dengan pihak berkuasa membanteras jenayah termasuk kes melibatkan senjata api.

Selangor sedia tawar tanah untuk Taman Permata

ri sudah menjawab kepada Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri sanggup mengambil alih tanggungjawab itu termasuk bayaran untuk pengambilalihan tanah itu dengan jaminan Kerajaan Pusat membina-

nya," kata Abdul Khalid. Dilaporkan sebelum ini bahawa kehidupan penduduk di Taman Permata semakin tertekan apabila flet yang mereka duduki mulai retak teruk di bahagian dinding dan siling.

Pangsapuri terbabit mulai retak selepas tiga tahun ia diduduki. Kini, retakan tersebut mengancam keselamatan penduduk sehingga ada di antara mereka yang memutuskan untuk bermalam di dalam khemah dan tempat meletak kereta kerana bimbang bangunan itu runtuh.



S Muniandy menunjukkan rekahan teruk yang berlaku di pangsapuri yang didiami

Antara Kes Jenayah Bersenjata Api

29 Julai

Pengasas Arab Malaysian Bank, Hussain Ahmad Najadi (**gambar**), maut ditembak di parkir kereta di tokong Cina, Kuan Yin Temple, di Lorong Ceylon, Kuala Lumpur

28 Julai

Pemilik firma keselamatan, Jasrafveendejeet Singh maut ditembak di luar sebuah restoran di Kampung Simee di Ipoh, Perak



27 Julai

Pengerusi MyWatch, R. Sri Sanjeevan (**gambar kiri**), cedera ditembak di Taman Awana Indah, Jempol, Negeri Sembilan

18 Julai

Shanmugan mati ditembak dua lelaki bermotosikal di Simpang Empat Keladi, Kulim, Kedah



8 Julai

Guru Penolong Kanan Sekolah Kebangsaan Beris Panchor, Hashim Mat Zain, mati ditembak di Jalan Beris Panchor Tawang-Kota Bharu, Kelantan

4 Julai

Seorang guru, Mat Zaki Hashim, cedera di bahagian leher selepas ditembak di Kubang Panjang, Pasir Mas, Kelantan

5 Jun

Seorang pemilik bengkel kereta, K. Govindaraju @ Murty, maut ditembak di sebuah restoran di 467, Taman Kota Jaya dekat Simpang Jaya, Ipoh, Perak

13 Mei

Seorang lelaki cedera parah selepas terkena dua das tembakan di tempat letak kereta sebuah hotel di Jalan Datuk Suleiman di Johor Bahru, Johor

11 Mei

Dua lelaki maut selepas ditembak ketika berhenti di lampu isyarat persimpangan Bukit Tambun, Pulau Pinang

11 Mei

Seorang pembantu kedai K.Thangaraja ditemui mati di dalam kereta yang dipandunya dengan 10 kesan tembakan di persimpangan lampu isyarat Taman Kucai di Lunas.

7 Mei

Seorang lelaki, cedera parah di kepala akibat ditembak dari jarak dekat ketika minum bersama rakan di Sungai Daun, Nibong Tebal, Pulau Pinang

26 April

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman/Cukai Dalam Negeri), Datuk Shaharuddin Ibrahim, mati ditembak di Lebuhr Sentosa ke Lebuhr Wawasan, Putrajaya

1 Jan

Juruteknik sebuah pasar raya, Y.Gopal, maut selepas ditembak dari jarak dekat ketika sedang menunggang motosikalnya di Taman Merpati, Rahang, Seremban, Negeri Sembilan.

Pembesaran Masjid Kg Parit Mahang ceriakan penduduk

Oleh HAFIZAN TAIB

KUALA SELANGOR - Pembesaran masjid Kampung Parit Mahang di sini bernilai RM5.4 juta mencerikan masyarakat setempat kerana mereka kini dapat beribadat dan menjalankan aktiviti agama dengan selesa.

Projek pembesaran ini membolehkan masjid itu menampung jemaah 2,000 orang pada sesuatu masa.

"Sesungguhnya keberangkatan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah amat bermakna bagi patik sekalian khususnya penduduk di kampung ini.

"Kerana bukan sahaja dapat

Bukan sahaja dapat terbuka puasa bersama Tuanku malah apa yang lebih bermakna apabila masjid yang tersergam indah ini akan dirasmikan Tuanku

- MARZUKI HUSSIN
Pengarah JAIS

berbuka puasa bersama Tuanku malah apa yang lebih bermakna apabila masjid yang tersergam indah ini akan dirasmikan Tuanku.

"Keberangkatan Tuanku ke masjid ini secara tidak langsung mencerminkan keprihatinan Tuanku terhadap pembangunan hal ehwal Islam dan pengurusan masjid di negeri tercinta ini," kata Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Marzuki Hussin.

Beliau berkata demikian di dalam ucapannya di Majlis Perasmian Masjid sempena Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat dan Sumbangan Aidilfitri di Kampung Parit Mahang di sini.

Sebelum perasmian masjid, Sultan Selangor berkenan menyampaikan sumbangan Aidilfitri disediakan Lembaga Zakat Selangor (LZS) kepada asnaf fakir miskin seramai 250 orang, asnaf muallaf (100 orang) dan anak yatim (158 orang) bagi daerah Kuala Selangor.

Turut hadir, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Masjid di kampung ini dibina



DYMM Sultan Selangor menghulurkan sumbangan kepada golongan kurang bernasib baik

pada 1960-an dan diusahakan bersama oleh penduduk kampung bagi mendirikan solat berjemaah, solat Jumaat dan aktiviti keagamaan.

Sejak 1970, kampung tersebut mengalami pertumbuhan penduduk dan pembinaan taman-taman perumahan di sekitarnya menyebabkan masjid sedia ada

tidak dapat menampung keperluan jemaah.

Kerajaan Negeri dan JAIS meluluskan projek pembesaran masjid pada 28 Januari 2008.

Kakitangan Awam Selangor gembira terima bonus raya

SHAH ALAM - Kakitangan awam negeri Selangor melahirkan kegembiraan apabila Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengumumkan pemberian bonus raya sebulan gaji kepada mereka minggu lalu.

Rata-rata mereka yang ditemui tidak kira bujang atau berkeluarga, bersyukur kerana pemberian bonus itu dapat digunakan sebagai persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

Bagi Nurul Amirah Razaly, 22, dari Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri, berkata, beliau begitu teruja dengan pemberian itu kerana ia merupakan bonus pertama yang diterimanya.

"Saya merasa teruja kerana ini adalah kali pertama saya mendapat bantuan khas sempena Hari Raya sejak saya me-



Nurul Amirah Razaly

mulakan kerja," ujarinya.

Tambahnya lagi, bantuan itu membolehkannya membantu meringankan beban ibu dan bapanya.

"Tahun ini, cukup setahun saya bekerja di sini, tak sangka dapat. Jika sebelum ini, dengar hanya setengah bulan, jadi kali ini lebih daripada apa yang di sangkakan. Saya anggap dengan sumbangan ini, saya da-



Azlan Mansor

pat berikan kepada ibu bapa saya yang kini hanya pesara," katanya ketika ditemui.

Kakitangan awam di Pejabat Undang-Undang, Azlan Mansor, 32, berkata, pemberian duit raya itu membantu ketua isi rumah berbelanja sebagai persiapan awal hari raya.

"Saya rasa bersyukur diberikan bantuan khas tersebut, tambah-tambah lagi, sekarang



Hamidah Hamid

sudah dekat menjelang perayaan Hari Raya. Jadi saya boleh menggunakan duit tersebut untuk beli barang keperluan Hari Raya bagi kedua anak saya dan isteri," katanya.

Turut berkongsi kegembiraan, Hamidah Hamid, 52, kakitangan di Jabatan Audit Negara yang menyifatkan bantuan itu merupakan sumbangan dan keprihatinan daripada Kera-

jaan Negeri.

Bagaimanapun, ibu kepada empat orang anak itu berharap Kerajaan Pusat dapat memberikan bantuan yang sama dengan Kerajaan Negeri.

"Di Selangor kita dapat lebih, di negeri lain hanya dapat daripada Kerajaan Pusat. Jadi tidak adil kepada penjawat awam yang lain. Lihat saja barang mahal, jadi biarlah pemberian dapat dilakukan sama rata. Walau bagaimanapun, saya tetap gembira dan bersyukur," katanya.

Minggu lalu, Kerajaan Negeri memperuntukan RM30 juta untuk membayar bonus sebulan gaji kepada 21,776 kakitangan tetap, kontrak dan sambilan.

Manakala, Perdana Menteri hanya mengumumkan bantuan khas RM500 kepada penjawat awam bagi Gred 1 hingga Gred 54 di peringkat Pusat.

'Hari Tanpa Beg Plastik' setiap hari

SELEPAS diharamkan penggunaan pada setiap Sabtu, Kerajaan Negeri berharap kempen pengharaman beg plastik akan dilaksanakan setiap hari.

Elizabeth Wong berkata pengurangan beg plastik bermakna masyarakat dapat menyelamatkan alam sekitar kerana jika tidak dibendung, pembuangan beg plastik itu akan mencemarkan alam sekitar seterusnya memberi kesan kepada pemanasan global.

"Pihak Kerajaan Negeri memang tidak menggalakkan langsung penggunaan beg plastik itu. Ini yang kita mahu fokus dan akan laksanakannya secara berperingkat," katanya.

Pelaksanaan 'hari tanpa beg plastik' di Selangor bermula 9 Januari 2010 pada Sabtu bertujuan meningkatkan kesedaran pengguna awam terhadap kesan negatif penggunaan beg plastik terhadap alam sekitar.

Dalam pada itu, Elizabeth juga mahu menggalakkan masyarakat mengamalkan 'healthy lifestyle' dengan menanam sendiri sayuran di rumah-rumah melalui program laman dapur.

Katanya, selain masyarakat luar bandar, Kerajaan Negeri mahu memperluaskan program



Mengedarkan beg kitar semula di Bazar Ramadan

terbabit kepada masyarakat bandar.

"Sekarang kita tidak hanya tumpukan untuk membantu meningkatkan pendapatan isi rumah melalui pertanian, tetapi kali ini kita mahu mengurangkan perbelanjaan mereka.

"Kita mahu mereka menanam sendiri tanaman dapur, contohnya harga sayur mahal, dari tanaman itu sendiri kita boleh memakan sendiri hasil tanaman. Lagipun sayur yang dibeli mungkin disembur dengan bahan lain, jadi kita mesti tukar tabiat pemakanan mereka ini," katanya.



Misi jadikan Selangor negeri sihat

PELUANG kedua menggalas portfolio Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar akan digunakan sebaik mungkin oleh Elizabeth Wong bagi menjayakan misi mengurangkan pengeluaran karbon di Selangor.

Berstatus negeri maju, sudah tentu tahap pengeluaran karbon tinggi, oleh itu satu kaedah akan diperkenalkan bagi mengatasi masalah ini, kata Elizabeth dalam wawancara bersama Selangor Kini.

Beliau kini berusaha mewujudkan 'Selangor Green Council'

yang mana mahu tenaga solar sebagai sumber tenaga alternatif dalam kehidupan harian bukan sahaja di kawasan perindustrian, malah di kawasan perumahan.

"Kita akan bincang dengan beberapa pakar dalam bidang ini, termasuk bidang perniagaan, sains dan teknologi untuk menjayakan perkara ini.

"Sekarang memang ada dan inisiatif ini dimulakan oleh Kerajaan Pusat, tetapi tidak banyak, penggunaannya belum meluas dan mungkin sesetengah masyarakat belum menge-

tahui," katanya.

Elizabeth menambah, setakat ini tenaga solar adalah pilihan terbaik dalam mendapatkan sumber tenaga alternatif di negara kita yang sememangnya terkenal sebagai negara yang mempunyai sumber cahaya matahari yang banyak.

"Oleh itu, kita akan bekerjasama dengan beberapa syarikat dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk laksanakannya," katanya.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri akan mewajibkan pendidikan awal mengenai alam sekitar di semua tadika negeri ini, selain menambah keluasan hutan simpan dan mengkompos sisa kebun di semua peringkat PBT.

"Tahun lepas, kita ada projek perintis, iaitu program kesedaran awam alam sekitar di peringkat sekolah tadika dan sekolah rendah dan kita akan memperhalusnya lagi serta akan melakukannya dengan menyeluruh mulai tahun ini.

"Sasaran saya, dalam tempoh lima tahun, Selangor mampu mengeluarkan pelapis alam sekitar seramai 10,000 orang," katanya.

ELIZABETH WONG KEAT PING

Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar Adun Bukit Lanjan

Umur: 43 tahun

Tempat Lahir: Ipoh, Perak

PROFIL

PENDIDIKAN

- Diploma Billy Blue College of Design
- Bachelor of Arts Universiti Sydney

PENGALAMAN KERJAYA

Ketua Kajian dan Advokasi, Rural Reconstruction Nepal (1994 - 1996)

Penyelaras Suara Rakyat Malaysia (1996-2000)

Setiausaha Agung Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia (2000-2006)

PENGALAMAN POLITIK

Adun Bukit Lanjan (2008 hingga kini)

Ahli Jawatankuasa Cabang PKR, Petaling Jaya Utara (2004-2006)

Ketua Penerangan Wanita Pusat PKR dan Naib Ketua Cabang PKR Petaling Jaya Utara (2006-2008)

Ahli Majlis Pimpinan Pusat PKR (2010-kini)



Sewaktu kempen guna sisa minyak masak menjadi biodiesel MBPJ

Keluarga halang sertai politik, passport nyaris dirampas

PENGLIBATAN dalam politik pada awalnya ditentang oleh keluarga. Malah passport antarabangnya nyaris dirampas keluarga bagi menghalangnya terlibat dalam politik, cerita Adun Bukit Lanjan, Elizabeth Wong ketika ditebak dengan soalan tentang penglibatan awal dalam politik.

Demi meyakinkan keluarga, beliau berjanji akan menyertai bidang korporat pada 2008 sekiranya kerjaya sebagai ahli politik gagal.

Bagaimanapun, nasib menyebelahnya apabila berjaya memenangi kerusi DUN Bukit Lanjan pada Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU-12) dengan majoriti melebihi 5,000 seterusnya menjadikan majoriti kedua terbesar dimenangi oleh PKR di Selangor.

Baginya, kemenangannya itu merupakan kemenangan yang membanggakan, seterusnya meneruskan karier politik yang sangat diminatinya itu.

"Walaupun menang, tetapi keluarga masih tidak bersetuju kerana bagi mereka politik bukan sesuatu yang bagus, tekanan kerja yang hebat dan pelbagai isu lain.

Tetapi masa menentukan segalanya, menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 baru-baru ini, beliau terkejut dengan keha-



Bersama anak kecil sewaktu majlis rumah terbuka DUN Bukit Lanjan

diran keluarganya yang muncul di ceramah-ceramahnya," katanya lagi.

"Ibu bapa saya sudah berumur hampir 80an, sesuatu di luar jangkaan mereka datang ke ceramah saya, seterusnya menyokong saya. Ini sesuatu yang sangat menarik dan saya sangat gembira," katanya.

Mengimbu detik awal dalam politik, Elizabeth berkata, semuanya berlaku se-

masa belajar di Australia.

Rapat dengan beberapa aktivis mahasiswa ketika itu seperti Tian Chua yang kini Ahli Parlimen Batu banyak mendorong beliau.

"Ketika itu, kami memperjuangkan pelbagai isu, antaranya isu masyarakat, mahasiswa dan isu-isu yang menyokong hak asasi manusia di Malaysia," katanya.



Menyertai program berbasikal 'Selangor Heritage Trail on Wheels' di Kuala Selangor

Sasar tujuh juta pelancong setahun

DALAM tempoh lima tahun ini, Kerajaan Negeri berhasrat menaik taraf dan menyelenggara tapak-tapak pelancongan yang terdapat di negeri ini.

Elizabeth Wong berkata, usaha itu untuk memberi nilai tambah dan memperkukuhkan produk sedia ada.

"Ia merangkumi penyelenggaraan kawasan sekitar, membaik pulih kemudahan awam serta menambah baik struktur bangunan sedia ada," katanya.

Beliau berkata, setakat ini Kerajaan Negeri menyenaraikan sekurang-kurangnya 300 tapak pelancongan yang sedia ada untuk dibaik pulih atau dipromosikan.

"Tetapi jumlah itu mungkin kita tidak akan lakukan semua. Kita bergantung

kepada keperluan kawasan itu juga.

"Sebagai contoh, kawasan Sekinchan yang mana kawasan itu kini sedang berkembang sebagai pusat pelancongan. Jika kita ke hadapan sedikit seperti Sabak Bernam, sudah tentu akan berkembang kerana ia mempunyai potensi besar untuk dimajukan.

"Kita mahu tempat-tempat ini dinaik taraf sehingga mendapat status pelancongan antarabangsa, kita mahu pelancong asing dan dalam negara datang ke kawasan itu kerana ia akan meningkatkan taraf kewangan penduduk kampung dan penduduk tempatan," katanya.

Jelasnya lagi, beliau menyasarkan empat kawasan luar bandar yang perlu diberi perhatian, antaranya Sabak Bernam, Kuala

Langat, Hulu Langat dan Hulu Selangor.

Sementara itu, Kerajaan Negeri akan merangka program-program terbaik menjelang Tahun Melawat Selangor yang akan diadakan pada 2015.

Katanya, sempena program itu, Kerajaan Negeri mensasarkan untuk menarik tujuh juta pelancong tempatan dan luar negara.

"Untuk menarik kehadiran mereka itu, Kerajaan Negeri akan mengubah strategi promosi. Kita juga mahu melatih pemandu pelancong supaya fasih berbahasa asing, bukan sahaja Inggeris, tetapi bahasa lain juga kerana penambahan pelancong yang hadir ke Selangor terdiri daripada pelancong yang bukan dari Eropah," kata Elizabeth.

KEJAYAAN ELIZABETH WONG PENGGAL LALU

- **Menubuhkan Enakmen Kebebasan Maklumat pertama di Malaysia yang dikuatkuasa pada 5 Mac 2013**

Mewajibkan maklumat kerajaan dibuka kepada orang awam ia bertujuan untuk menggalakkan ketelusan dan menangani rasuah.

- **Meminda Seksyen 11 Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 dalam Dewan Negeri Selangor pada 2011**

Ia mewajibkan siasatan awam dibuat sebelum mana-mana kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) diwartakan keluar.

- **Melaksanakan 'Hari Tanpa Beg Plastik' pada 2010**

Kempen Hari Tanpa Beg Plastik, bertujuan menyemai semangat sayangkan bumi.

- **Sasaran konservasi Hutan diumumkan**

Pada tahun 2009, anggaran kawasan hutan 30.5 peratus jumlah luas tanah di Selangor dan terdapat peningkatan kawasan perhutanan di Selangor kepada 32 peratus. Ia berjaya mengekalkan hutan simpan tetapi juga menambah keluasan.

Selangor Kini

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT: Faekah Husin
Arfa'eza Abdul Aziz

KETUA PENGARANG:
Sheridan Mahavera Mohd Shakir

PENGARANG BERITA: Najib Hashim

PEN. PENGARANG BERITA: Mohd Ezi Mashut

PEMBANTU PENGARANG: Rusidah Salim

WARTAWAN:

Afix Redzuan: afixredzwan@gmail.com

Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

JURU GAMBAR: Raheemie Arifin,
Shuaib Ayob & Asri Sapfite

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites

No 1, Persiaran Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856

Emel: newsselangorkini@gmail.com



▲ Adun Batu Caves, Amirudin Shari menyampaikan sumbangan kepada mereka yang memerlukan pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kasih Aidilfitri di Masjid An-Nur Wira Damai



▲ Asrama anak yatim Damai di Kuang gembira dengan kedatangan Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bersama rombongan Anwar Ibrahim Club (AIC) dan Yayasan Aman



▲ Adun Lembah Jaya, Khasim Aziz menemani warga emas membeli-belah sempena Ramadan dalam program 'Jom Shopping' di Tesco Ampang



▲ Peniaga martabak di Bazar Ramadan Kerinci ini gembira dengan kunjungan Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar ke gerai mereka



▲ Adun Meru, Dr Rani Osman melayan pelajar-pelajar berbuka puasa pada Majlis Penyampaian Sumbangan sempena Nuzul Quran kepada surau-surau di Kampung Meru, anak-anak yatim, ibu tunggal dan pelajar Maahad Tahfiz Jalan Kasban



▲ Pusat Khidmat Masyarakat DUN Hulu Kelang dengan kerjasama Nisa' Gombak dan Surau Nurul Hijrah Al-Khalidiah menganjurkan Eksplorasi Ramadan 2013 yang diadakan di pekarangan surau, Kampung Melayu Sungai Sering. Majlis dirasmikan Adun Hulu Kelang, Saari Sungib



▲ Adun Sungai Pelek, Lai Nyok Lan, menyampaikan sumbangan kepada ibu tunggal, OKU dan anak yatim pada Majlis Berbuka Puasa bersama wanita DUN Sungai Pelek. Hadir sama Exco Kebajikan dan Hal Ehwal, Rodziah Ismail di Kampung Jelutung Indah, Batu 4, Sungai Pelek

Sejumlah RM2000 diperuntukkan untuk setiap masjid dan RM1000 untuk surau sekitar Subang Jaya bagi tujuan aktiviti sempena Ramadan. Sumbangan disampaikan Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh dengan ditemani Ahli Parlimen Kelana Jaya, Wong Chen

▲ Sambil mengedar kurma, Adun Taman Medan, Haniza Talha, turut mengambil peluang memesin tebu di bazar Ramadan, Taman Medan



Warga kerja Media Selangorku bersama ahli keluarga masing-masing sewaktu majlis berbuka puasa di Kelab Shah Alam Selangor



Cari rakyat untuk beri bantuan



Hasbullah menyampaikan sumbangan kepada anak yatim

GOMBAK - Selain mentadbir, peranan lain kerajaan dan pemimpin ialah mencari masyarakat untuk diberi bantuan sebelum mereka datang meminta pertolongan.

Adun Gombak Setia, Hasbullah Mohd Ridzwan berkata, kerajaan Pakatan Rakyat (PR) sejak 2008 memberikan komitmen untuk menjaga kebajikan rakyat.

"Adalah tugas kami sebagai pemimpin untuk mencari-cari mereka yang perlu dibantu dan ditampung kehidupannya, yang mana ia merupakan tanggungjawab kami.

"Hari ini yang apa yang berlaku, orang yang memerlukan terpaksa mencari-cari dan meminta-minta dan suasana ini tidak betul dan perlu diperbaiki," kata beliau.

Hasbullah berkata demikian

semasa menyampaikan sumbangan kepada 52 orang anak yatim yang diadakan di Masjid Zakaria Batu 8 1/2 Gombak pada Majlis Berbuka Puasa di sini.

Ujar beliau, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha membantu masyarakat yang memerlukan bantuan sehingga ke peringkat akar umbi.

"Sebab itu dalam beberapa program bantuan yang diperkenalkan, Kerajaan Negeri melalui program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dan terbaru pada musim perayaan Aidilfitri, Kerajaan Negeri memberikan kupon kepada 500 keluarga di setiap DUN.

"Dan saya sudah agih-agihkan kepada ketua kampung dan ahli majlis untuk mengenal pasti mereka yang perlu diberikan sumbangan," kata beliau.

Bumbung SRA Assam Jawa akan dibaiki

Oleh **NAZLI IBRAHIM**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan menyalurkan peruntukan membaiki kerosakan bumbung Sekolah Rendah Agama Kampung Assam Jawa yang runtuh akibat ribut baru-baru ini.

Hal Ehwal Islam Kerajaan Negeri Selangor, Sallehen Mukhyi berkata, kerja membaik pulih bumbung dan siling yang runtuh itu akan dijalankan dengan segera kerana melibatkan keselamatan dan keselesaan pelajar dan guru.

Bagaimanapun menurut be-

liau lagi, Kerajaan Negeri turut mempertimbangkan pembinaan bangunan baru bagi kemudahan murid dan kakitangan sekolah tersebut.

"Pada masa ini, Kerajaan Negeri fokus untuk kerja membaik pulih kerosakan akibat ribut baru-baru ini. Tetapi bagaimanapun kita turut meneliti penilaian JKR sama ada perlu buat bangunan baru atau tidak.

"Kerja membaiki kerosakan ini akan dimulakan dalam masa terdekat," kata Sallehen ketika dihubungi Selangor Kini baru-baru ini.

Sallehen bagaimanapun tidak dapat memberikan anggaran kos kerja pembaikan tersebut.

Terdahulu, Pengarah Biro Aduan Rakyat PKR, S Manikavasagam menggesa Kerajaan Negeri mengambil tindakan segera bagi membaiki bangunan Sekolah Rendah Agama Kampung Assam Jawa yang dikatakan agak daif.

Dalam kejadian 15 Julai itu, seorang guru yang sedang mengajar dalam sebuah bilik darjah tercedera apabila ditimpa serpihan dari bumbung dan siling yang runtuh.



Kiri: S Manikavasagam, meneliti serpihan bumbung yang mengenai kepala seorang guru.

Gambar kecil: Bumbung yang runtuh

MDHS arah pemaju Tamu Hill Park sedia tapak surau



Rumah yang diwakafkan dan dijadikan sebagai surau

SHAH ALAM - Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) mengarahkan pihak pemaju taman perumahan Tamu Hill Fasa 2 Batang Kali menyediakan tapak surau bagi kegunaan komuniti Islam di situ.

Penolong Pegawai Penerangan, MDHS, Junainah Abdullah berkata, permohonan Jawatankuasa Sementara Surau Tamu Hill Park Fasa 2 sebelum ini untuk membina surau di taman itu ditolak.

Katanya, MDHS tidak boleh meluluskan permohonan untuk membina surau di kawasan lapang di taman itu kerana Akta Perancangan Bandar Dan Desa

1976 tidak membenarkan bangunan dibina di padang awam dan rekreasi.

"Namun Jawatankuasa OSC mengarahkan pihak pemaju, iaitu Ligamas Sdn Bhd menyiapkan tapak surau seluas 0.56 ekar dengan kadar segera.

"Tapak itu akan diserahkan kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi tujuan pembinaan surau," kata beliau dalam satu kenyataan kepada Selangor Kini.

Junainah mengharapkan agar penduduk perumahan itu dapat memberikan masa dan bersabar bagi menyelesaikan masalah itu.

Dalam pada itu, persatuan

penduduk mendedahkan bahawa mereka sudah mendapat surat sokongan daripada Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Selangor bertarikh 18 Mac 2009 untuk pembinaan surau itu.

Sokongan itu juga diberikan Masjid Bandar Utama Batang Kali dalam suratnya bertarikh 21 Mac 2009.

Dilaporkan sebelum ini bahawa kira-kira 1,200 penduduk di taman itu terpaksa berhimpit di dalam rumah teres satu tingkat ketika mengerjakan solat berjemaah kerana pihak berkuasa tempatan masih tidak meluluskan tapak surau di tempat mereka.

Seragam operasi PBT seluruh negeri

Oleh HAFIZAN TAIB

SELAYANG - Gerak kerja dan operasi di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan diseragamkan bagi memastikan sesuatu tindakan itu lebih berkesan apabila dilaksanakan.

Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Khim berkata, kaedah itu dilihat perlu bagi meningkatkan lagi perkhidmatan PBT biarpun Kerajaan Negeri mempunyai garis panduan untuk semua PBT di negeri itu.

"Dalam masa terdekat kita akan

kuatkuasakan enakmen berkaitan pelesenan perniagaan Burung Walit untuk diseragamkan.

"Kita akan memberi taklimat kepada pengusaha Burung Walit.

"Begitu juga e-lesen yang disediakan pada tahun 2007 yang tertangguh begitu lama akan dikuatkuasakan," katanya dalam sidang media selepas majlis perjumpaan dengan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) di sini.

Katanya, Kerajaan Negeri juga sedang meneliti beberapa perkara lain melibatkan PBT yang mungkin perlu

diseragamkan seperti penguatkuasaan undang-undang berkaitan menyerbu dan menyita premis yang menjalankan aktiviti tanpa lesen.

Selain itu, Kerajaan Negeri akan mengkaji keperluan penggunaan senjata api di kalangan anggota penguatkuasa PBT.

Langkah tersebut dilihat bagi meningkatkan tahap keselamatan anggota penguatkuasa dari sebarang ancaman ketika menjalankan tugas.

"Kita akan lihat dari segi keselamatan dan undang-undang sama ada perlu atau tidak," katanya.

Sambut baik dasar 30% wanita jadi ahli PBT

SHAH ALAM - Dasar menetapkan 30 peratus Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terdiri daripada wanita merupakan satu penghormatan kepada wanita di negeri ini.

Ia juga diharap dapat menjadikan visi Selangor sebagai sebuah negeri idaman, maju, sejahtera dan berkeadilan sebagai satu kenyataan.

Menurut Exco Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail (**gambar**) dalam satu kenyataan media berkata, dasar itu menjadi petanda yang utuh bagi memastikan kecemerlangan da-

lam penggabungan sumber manusia di negeri ini dapat dipertingkatkan.



"Wanita Selangor yang layak kini tiada alasan untuk maju ke hadapan dalam mengisi ruang kepimpinan sebagai Ahli Majlis di Pihak Berkuasa Tempatan.

"Proses pemilihan wajarlah berasaskan kelayakan yang meliputi pengetahuan dalam bidang pentadbiran, undang-undang yang berkaitan, pengolahan bajet dan isu-isu berkaitan rakyat," ujar Rodziah yang juga

Adun Batu Tiga.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 24 Julai lalu memutuskan untuk mensyaratkan setiap PBT mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus Ahli Majlis di kalangan wanita untuk penggal akan datang.

Ketetapan yang diangkat dari Jawatankuasa Bertindak (Task Force) Pemilihan Ahli Majlis itu akan memulakan sesi pemilihan baru pada 1 Januari tahun hadapan.

Sebelum ini, selama dua penggal berturut-turut, Kerajaan Negeri menetapkan sekurang-kurangnya 30 peratus Ahli Exco adalah dari kalangan wanita.

Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor?

Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824.

Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera di bawah.

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

Tel : 03-4296 8000;

Hotline : 1 -800-22-8100

Laman Web : www.mpaj.gov.my

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)

Tel : 03-6064 1331

SMS : taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. untuk semak aduan,status,taip 'mdhs semak' hantar ke 15888

Laman Web : www.mdhs.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)

Kutipan Sampah

Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy); Klang Selatan: 016-2506796 (Razif)

Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)

Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);

Klang Selatan: 016-3824471(Loganathan)

Talian: 03-3372 4820 / 6781 /

1-800-88-23826 (Toll-free)

Laman web : www.mpklang.gov.my

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT (MDKL)

Tel: 03-3187 2825

SMS: Taip "MDKL ADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

Laman web : www.mdkl.gov.my

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

Tel: 03-3289 1439

Laman web : www.mdks.gov.my

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)

Tel: 03-3224 1655 / 1000

Laman web : www.mdsb.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)

Tel: 03-6126 5800 / 6120 4903 / 04 / 05 / 06

Laman web : www.mps.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MPSP)

Tel: 03-8319 0200 / 0300

Laman web : www.mpsepang.gov.my

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

Website : www.mbsa.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ)

Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

Laman web : www.mpsj.gov.my

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)

Tel: 03-7954 2020 (24-jam hotline) /

03-7956 3544 (am)

SMS: Taip "MBPJ ADUAN [aduan]" dan hantar ke 33213

Laman web : www.mbpj.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKJ)

Tel: 87377899

Hotline: 1-800-88-6755

Emel: aduan@mpkj.gov.my

Laman Web : www.mpkj.gov.my



TUNJUK BAKAT...

Datuk Bandar Petaling Jaya, Datin Paduka Alinah Ahmad, cuba memasak martabak sewaktu menyampaikan bubur lambuk kepada peniaga-peniaga serta pengunjung di Bazar Ramadan Jalan Teknologi 3/6A Kota Damansara



Pembunuhan rakyat Mesir, Kerajaan Malaysia membisu

PETALING JAYA - Sikap membisu Kerajaan Malaysia berhubung isu pembunuhan rakyat Mesir mengundang rasa kesal umat Islam di negara ini.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim melahirkan rasa kesal terhadap Datuk Seri Najib Razak kerana tidak

mengeluarkan apa-apa kenyataan bagi mengecam pembunuhan beramai-ramai penduduk Mesir itu.

"Kita mengutuk keras tindakan ini dan bukan sahaja umat Islam dan negara-negara yang cintakan keadilan harus membantah pembunuhan ber-

amai-ramai oleh rejim tentera yang zalim, apatah lagi di bulan Ramadan ini.

"Saya kesal sehingga ke hari ini Kerajaan Malaysia belum mengeluarkan apa-apa kenyataan, maknanya pembunuhan beramai-ramai itu tidak langsung menyentuh perasaan dan

sikap mereka," katanya.

Turki mengepalai beberapa lain, lantang mengutuk serangan yang mengorbankan lebih 300 penduduk Mesir baru-baru ini, tetapi situasi berbeza dipraktikkan Kerajaan Malaysia kerana masih membisu.

Baru-baru ini, tentera kerajaan sementara pimpinan Jeneral Abdel Fattah al-Sissi bertempur dengan penyokong Presiden yang digulingkan, Dr Mohamed Morsi dan ahli Ikhwanul Muslimin dalam perhimpunan aman di beberapa bandar di Mesir.



Anwar ditemani Sivarasa dan Rafizi sewaktu sidang media di Ibu Pejabat PKR

Desak siasat sindiket jenayah libatkan polis

Oleh LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - PKR mendesak siasatan terperinci dijalankan ke atas dakwaan penglibatan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam sindiket jenayah dan kegiatan haram, tegas Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Gesaan dibuat susulan daripada insiden tembakan dan cubaan membunuh Pengerusi Badan Pemantau Jenayah MyWatch, R. Sri Sanjeevan beberapa jam selepas beliau memuat naik tulisan di Twitter miliknya bahawa beliau menerima ugutan bunuh dipercayai dibuat anggota polis.

Tidak menolak kaitan langsung cubaan tersebut dengan hasrat Sanjeevan mendedahkan penglibatan anggota polis dalam

sindiket dan kegiatan haram.

Anwar yang juga Ketua Pembangkang mohon agar kawalan keselamatan yang ketat ke atas Sanjeevan yang kini sedang dirawat di hospital dapat ditingkatkan.

"Keadilan juga menyambut baik tindakan pantas Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Khalid Abu Bakar yang berjanji menjalankan siasatan terperinci terhadap kes ini.

"Keadilan menuntut supaya pendedahan Sanjeevan berkaitan penglibatan anggota polis dan pegawai PDRM dengan sindiket jenayah dan kegiatan haram turut disiasat seterusnya membawa mereka yang terlibat ke muka pengadilan," tegas Ahli Parlimen Permatang Pauh.

Dalam pada itu, Pengarah Strategik PKR, Rafizi Ramli tu-

rut mendakwa beliau ditemui Sanjeevan sehari sebelum kejadian tembakan, dan Sanjeevan meminta bantuan mendedahkan nama anggota polis yang didakwa terbabit dengan sindiket dadah.

Bagaimanapun, Ahli Parlimen Pandan itu berkata, beliau tidak pasti sama ada rancangan untuk mendedahkan senarai nama tersebut ada kaitan dengan cubaan membunuh Sanjeevan.

Sanjeevan ditembak ketika sedang berhenti dilampu isyarat di Jempol oleh pembonceng sebuah motosikal; menyebabkan beliau cedera di bahagian dada kanannya.

Beliau kini dilaporkan dalam keadaan stabil, tetapi kritikal selepas menjalani pembedahan di Hospital Kuala Pilah.

Krisis diesel: Menteri didesak letak jawatan

KUALA LUMPUR - Masalah kehabisan bekalan minyak diesel ternyata menunjukkan kelemahan kerajaan dalam menguruskan komoditi penting dalam masyarakat.

Oleh sebab itu, Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM) mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Hasan Malek meletak jawatan serta-merta kerana gagal mengatasi krisis bekalan diesel yang berlaku kini.

Menurut Pengerusinya, Badrul Hisham Shahrin, beliau sendiri enam jam terperangkap di pekan Bentong, Pahang kerana kenderaan dinaiki kehabisan diesel.

"Satu pengalaman luar dugaan apabila mendapati dari Gombak hingga ke Pekan Bentong, sembilan stesen minyak disinggahi turut kehabisan diesel.

"Lori dan kenderaan yang

mengguna diesel tersadai di tepi jalan," kata Badrul yang dalam rangka lawatan dari Kuala Lumpur ke Kuantan menghadiri program SAMM Pahang sebelum ke Kemanan

Masalah kekurangan diesel dikatakan lebih buruk di Sabah dan Sarawak, walaupun kedua-dua negeri itu pengeluar utama petroleum.

Badrul tidak menolak krisis seperti itu sengaja direka cipta untuk mendapatkan persetujuan rakyat agar harga diesel dinaikkan bagi menjamin bekalan pada masa hadapan.

"Apakah ini bibit permulaan (Kerajaan BN) mengolah alasan kenaikan harga diesel selepas ini, atau wujud pihak 'atasan' sendiri terlibat menjual atau menyorok bekalan diesel berkuota subsidi," soalnya.

Satu pengalaman luar dugaan apabila mendapati dari Gombak hingga ke Pekan Bentong, sembilan stesen minyak disinggahi turut kehabisan diesel

- BADRUL HISHAM
Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM)



'Racing Sampai Demam' tarik 5,000 pengunjung

Oleh AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Kira-kira 5,000 pengunjung hadir memeriahkan pusingan pertama Kejohanan Perlumbaan Motosikal Selangor (SMR 2013) yang membuka tirai kejohanan musim ini mendapat sambutan hangat orang ramai terutama golongan belia.

Program yang berlangsung di tapak parkir Kompleks Sukan Kuala Selangor ini mendapat kerjasama dan sokongan padu daripada Kerajaan Negeri Selangor menerusi Exco Belia dan Sukan, Dr Ahmad Yunus Hairi serta pelincir rasmi SMR, Motul Malaysia.

Pengarah Perlumbaan SMR, Asmawi Askor dalam satu kenyataan berkata, bagi musim 2013, pihak penganjur melaksanakan beberapa pembaharuan status, format dan sistem perlumbaan antaranya menaiktaraf jempunan antarabangsa yang membenarkan penyertaan pelumba daripada pasukan luar negara.

Selain itu, bilangan pusingan dalam sesi perlumbaan juga ditambah kepada 30 pusingan bagi tiga kategori 'Standard Modified' dan 33 pusingan bagi kategori 'Marco Simoncelli Cup'.

Pihak pengajur turut menaikkan hadiah wang tunai kemenangan tertinggi, iaitu RM1,700 untuk setiap kategori 'Standard Modified' dan



Dr Yunus bersama peserta yang mengambil bahagian dalam perlumbaan

RM2,500 untuk kategori 'Marco Simoncelli Cup'.

"Dengan menggunakan tema 'Racing Sampai Demam', ia berjaya menarik seramai 52 penyeretaan dari seluruh negara terutamanya Negeri Selangor.

"Penyeretaan perlumbaan ini sentiasa positif walaupun dua minggu berturut-turut sebelumnya berlangsung perlumbaan Malaysia Cup Prix dan Kejohanan Kapcai Endurance Kebangsaan," katanya.

Tambahnya, pusingan kedua SMR

akan diteruskan lagi pada 13 hingga 15 September nanti di lokasi sama dengan dijangka melebihi 100 penyertaan.

Pada kejuaraan pusingan pertama yang lalu, perlumbaan akhir kategori SR 130 4T dimenangi oleh pelumba muda, Muhammad Iqbal Amri Abd Malek, kategori SR 150 4T diungguli Zulsyafiz Rosli, kategori 150 2T pula dimenangi pelumba senior, Muhammad Kanafi Kamaruddin, anakala Muhammad Izzat Zaidi Salehan menjuarai kategori Marco Simoncelli Cup.

KUIS bakal jadi universiti Islam tiga tahun lagi

BANGI - Kolej Universiti Islam Selangor (Kuis) mensasarkan untuk menjadi sebuah universiti Islam dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Rektor Kuis, Prof Madya Datuk Dr Ab Halim Tamuri berkata, manakala jumlah pelajar pada tahun 2014 ini akan ditingkatkan kepada 6,000 mahasiswa.

"Bagi mencapai sasaran tersebut, antaranya akan menawarkan Program Pasca Siswazah dalam bidang sarjana, dan doktor falsafah melalui pusat pengajian siswazah yang akan diaktifkan semula.

"Kuis membuka tawaran pengembilan setelah mendapat kelulusan daripada pihak Malaysian Qualifications Agency (MQA) yang merupakan sebahagian 46 program pengajian yang ditawarkan," kata beliau.

Beliau berkata demikian semasa Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan

Selangor bersama Rakyat dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya di pekarangan Masjid Al-Azhar Kuis di sini.

Hadir mengiringi baginda, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Pada majlis yang sama, Lembaga Zakat Selangor (LZS) menerima zakat perniagaan berjumlah RM936,454.77 daripada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) dan RHB Islamic Bank Berhad.

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima bayaran zakat berkenaan.

KDEB yang diwakili Presidennya, Suhaimi Kamaralzaman menunaikan zakat perniagaan bagi KDEB dan anak syarikatnya sebanyak RM826,455.77.

Manakala, RHB Islamic Bank Berhad diwakili Pengarahnya, Datuk Faizal Siraj menunaikan zakat perniagaan berjumlah RM110,000.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
2 - 9 OGOS 2013							
24 RAMADAN - 2 SYAWAL 1434H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
02 Jumaat	5:42	5:52	7:12	1:22	4:43	7:29	8:42
03 Sabtu	5:42	5:52	7:12	1:22	4:43	7:29	8:42
04 Ahad	5:42	5:52	7:12	1:22	4:42	7:29	8:42
05 Isnin	5:42	5:52	7:12	1:22	4:42	7:29	8:41
06 Selasa	5:42	5:52	7:12	1:22	4:41	7:29	8:41
07 Rabu	5:42	5:52	7:12	1:22	4:41	7:29	8:41
08 Khamis	5:42	5:52	7:12	1:22	4:41	7:28	8:40
09 Jumaat	5:42	5:52	7:12	1:22	4:40	7:28	8:40
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
02 Jumaat	5:44	5:54	7:14	1:24	4:45	7:32	8:44
03 Sabtu	5:44	5:54	7:14	1:24	4:45	7:31	8:44
04 Ahad	5:44	5:54	7:14	1:24	4:44	7:31	8:44
05 Isnin	5:44	5:54	7:14	1:24	4:44	7:31	8:43
06 Selasa	5:44	5:54	7:14	1:24	4:43	7:31	8:43
07 Rabu	5:44	5:54	7:14	1:24	4:43	7:31	8:43
08 Khamis	5:44	5:54	7:14	1:24	4:43	7:30	8:42
09 Jumaat	5:44	5:54	7:14	1:24	4:42	7:30	8:42

Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor?

Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824.

Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera di bawah.

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

Tel : 03-4296 8000;

Hotline : 1 -800-22-8100

Laman Web: www.mpaj.gov.my

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)

Tel : 03-6064 1331

SMS : taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. untuk semak aduan,status,taip 'mdhs semak'

hantar ke 15888

Laman Web: www.mdhs.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)

Kutipan Sampah

Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy); Klang Selatan: 016-2506796 (Razif)

Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)

Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);

Klang Selatan: 016-3824471(Loganathan)

Talian: 03-3372 4820 / 6781 /

1-800-88-23826 (Toll-free)

Laman web: www.mpklang.gov.my

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT (MDKL)

Tel: 03-3187 2825

SMS: Taip "MDKL ADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

Laman web: www.mdkl.gov.my

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

Tel: 03-3289 1439

Laman web: www.mdks.gov.my

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)

Tel: 03-3224 1655 / 1000

Laman web: www.mdsb.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)

Tel: 03-6126 5800 / 6120 4903 / 04 / 05 / 06

Laman web: www.mps.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MPSP)

Tel: 03-8319 0200 / 0300

Laman web: www.mpsepang.gov.my

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

Website: www.mbsa.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ)

Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

Laman web: www.mpsj.gov.my

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)

Tel: 03-7954 2020 (24-jam hotline) /

03-7956 3544 (am)

SMS: Taip "MBPJ ADUAN [aduan]" dan hantar ke 33213

Laman web: www.mbpj.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKJ)

Tel: 87377899

Hotline: 1-800-88-6755

Emel: aduan@mpkj.gov.my

Laman Web: www.mpkj.gov.my





Isi rumah RM3,000 dapat manfaat MES



CERIA... Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim kelihatan gembira bersama barisan Exco Kerajaan Negeri selepas menjalani sesi rakaman ucapan Hari Raya Aidil Fitri di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri

Oleh NAZLI IBRAHIM dan MOHD EZLI MASHUT

SHAH ALAM - Lebih ramai rakyat Selangor akan mendapat manfaat daripada agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) seperti bantuan yuran tadika dan hadiah anak masuk universiti.

Ini kerana Kerajaan Negeri Selangor akan memperluaskan penyertaan program-program tersebut kepada keluarga berpendapatan RM3,000 ke bawah.

Sebelum ini, penyertaan kepada program MES hanya terhad kepada isi rumah berpendapatan RM1,500, kata Exco Kebajikan, Rodziah Ismail semasa mengumumkan dasar tersebut baru-baru ini.

Keputusan tersebut dibuat setelah Kerajaan Negeri mendapat permintaan tinggi daripada golongan sederhana rendah yang merasa makin terhimpit dengan kenaikan kos sara hidup.

Dasar tersebut amat dinantikan oleh peniaga, Shahril Mutel, 30, yang berkata, kos barangan dan perkhidmatan yang makin meningkat maka membuat gajinya yang sekitar RM3,000 tidak cukup untuk menampung perbelanjaan keluarganya.

"Gaji RM3,000 dahulu tidak sama nilainya dengan masa sekarang," kata Shahril yang mengendalikan perniagaan butik perkahwinan.

Menurut eksekutif perundangan Haiza Hamid, 34, usaha itu merupakan tindakan bijak Kerajaan Negeri Selangor untuk menjaga kebajikan rakyat.

"Sekurang-kurangnya kita akan ada duit tambahan untuk perkara-perkara kecemasan seperti anak sakit di tengah malam untuk pergi ke klinik dan hal-hal yang mendesak di luar jangkaan," kata beliau.

Selepas berjaya mentadbir Selangor selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU-12) pada 2008 lalu, Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor mula memperkenalkan pelbagai skim di bawah agenda MES yang kini mempunyai sebanyak 16 skim.

Antara skim bantuan yang diperkenalkan termasuklah Hadiah Anak Masuk Universiti, Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si Kembar), Bantuan Tadika Selangor (Tunas), Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Skim Air Percuma dan Tabung Warisan Anak Selangor (Tawas).

Untuk informasi & berita terkini
Layari www.selangorku.com

mediaselangorku

<http://www.selangorku.com/?feed=rss2>
<http://twitter.com/#!/mediaselangorku/>
<http://www.facebook.com/MediaSelangorku>

BERITA/ ARTIKEL/ VIDEO